

mengatakan bahawa boleh dikata semuanya bukan ahli di dalam hukum-hukum Islam yang dapat menentukan hukum-hukum Islam yang bakal mengenai umat Islam.

Sebab itu didapatilah simpang-siur di dalam persoalan-persoalan yang bakal mengenai umat Islam, jika dilaksanakan undang-undang itu mungkin tidak akan direndah oleh umat Islam. Bayangan atas yang demikian ini banyak dilihat daripada keputusan Pertubuhan Muslimin Singapura, dan riak-riaknya daripada UMNO juga dan mungkin daripada Jawatankuasa Perwakilan Umat Islam Singapura, akan membantah rang undang-undang Islam itu dilaksanakan kepada orang-orang Islam dengan rupa sebagaimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pilihan. Banyak benar perkara-perkara yang di dalamnya yang didapati akan bertentangan dengan hukum-hukum Islam. Jika pertubuhan-pertubuhan Islam, yang menyuarakan bantahannya sedemikian itu adakah kerajaan PETIR yang memerintah sekarang akan memaksakan undang-undang itu dilaksanakan kepada umat Islam? Inilah persoalan yang menjadi pertanyaan besar dan inilah persoalan yang mungkin menimbulkan perasaan tidak puas hati yang berkepanjangan daripada umat Islam dan mungkin pula akan dipandang menjadi suatu tawarikh<sup>2</sup> yang tidak akan hilang bagi umat Islam Singapura yang kelak akan menuduh bahawa kebebasan beragama mereka diperkosa.

\* \* \*

### Contoh Kejahilan

Baru-baru ini PETIR Singapura, bagi kali yang pertamanya telah mengadakan sambutan mawlid yang diadakan di Town

Hall. Ini tentunya anjuran daripada bahagian Melayu pertubuhan itu sebagai suatu langkah, yang boleh kita pandang sebagai “serang balas” langkah-langkah dari UMNO yang tidak putus-putusnya mengadakan perjumpaan-perjumpaan agama di daerah-daerahnya sebagai sambil berkempen untuk parti.

Di dalam pekerjaan-pekerjaan yang serupa ini maka “pemimpin-pemimpin” Melayu (Islam) yang ada di dalam parti-parti itu tentunya agama disesuaikannya dengan perjalanan partinya dengan tidak memikirkan barang sedikit pun akan akibat yang timbul yang boleh merosakkan pandangan orang kepada agama yang suci itu sendiri kerana lahirnya kepada orang bahawa agama nampaknya diperumbang-ambingkan untuk maslahat diri, parti dan faedah pertubuhannya atau untuk menguatkan kedudukannya di dalam parti itu sendiri.

Di dalam perjumpaan yang termaklum Setiausaha Politik Kementerian Kebudayaan, En. Ghazali Ismail dikatakan, di dalam ucapannya yang bersemangat dan berapi-api di antaranya mengatakan bahawa perjuangan PETIR adalah sama dengan perjuangan Nabi Muhammad. Jika benar yang demikian ini maka ucapan yang seperti ini yang diucapkan oleh oleh<sup>3</sup> seorang yang beragama Islam sangat mendukacitakan orang-orang Islam yang mengetahui sejarah dan kedudukan agama Islam dan sejarah serta perjuangan PETIR. Dengan pengetahuan yang demikian tidak syak bahawa orang yang bercakap itu jahil di dalam sejarah Islam dan jahil dalam hukum-hukum dan undang-undang Islam.

Tidak payah kita membentangkan dasar-dasar Islam dan perjalanan Nabi

kita Muhammad di sini satu persatu tetapi memadai kita katakan bahawa Islam itu ialah Islam, ia bukan agama *socialist* bukan agama demokrasi, bukan agama Komunis dan lain-lainnya tetapi ia agama Islam yang disampaikan oleh Rasulullah (S.A.W) kepada seluruh manusia dengan diwahyukan Allah dengan Qur'an sebagai suluh kepada manusia seluruhnya supaya sejahtera hidupnya di dunia akhirat dan kerana itulah Rasulullah (S.A.W) bersabda maksudnya: “Kamu tidak akan sesat jika kamu berpandu kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya.”

Islam tidak sekali-kali menyuruh berpandu kepada *atheist*, kepada bapa-bapa *socialist*, kepada Marx yang merampas hak perseorangan manusia tetapi Islam mengajar hidup dengan cara Islam dan menyuruh umatnya menyeru kepada berbuat baik (*amar ma'rūf*) dan menegah kepada kejahanan (*nahī munkar*); dan Islam menghendaki tiap-tiap manusia itu patuh akan perintah-perintah Allah mengesakan-Nya, perintah Rasul-Nya, dengan menjauhi segala perbuatan-perbuatan maksiat (berdansa-dansi, berkebudayaan-berkebudayaan campuran) sebagaimana yang diajar dan dianjurkan oleh mana-mana golongan pun yang akan menentang ajaran-ajaran Islam.

Apakah dengan tidak ada dansa-dansi dan anjuran-anjuran yang boleh merosakkan moral kemajuan tidak dapti? Suria<sup>4</sup>, negara yang telah sangat tua tamadunnya jika dibandingkan dengan negara-negara Islam yang lain, orang-orangnya *modern* tetapi di ibu kotanya (di Damsyik) kita tidak mendapati *night club* seperti yang ada Singapura ini yang tadinya memandang bahawa segala yang berupa demikian dipandang kebudayaan

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah tawarikh.

<sup>3</sup> Pengulangan perkataan ‘oleh’ dalam teks asal.

<sup>4</sup> Merujuk kepada Syria.